

## MESYUARAT ISU MENGENAI HELIKOPTER AW139 MILIK PGU PDRM

Tempat : Bilik Mesyuarat (Aras 3)

Masa : 3:30 PM

KEHADIRAN		
BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Pengerusi: SAC Noor Sham Bin Md Jani	Timbalan Komander (O) PGU
2.	ASP Mohd Firdaus Bin Rosli	Moderator
3.	ASP Huzir Bin Yahaya	ASP Inspektorat Penerbangan
4.	ASP Muhammad Amir Bin Isa	ASP Seksyen Penerbangan Helikopter 'A'(1)
5.	Insp Mohd Adlan Bin Mustafa Kamalbhryn	Jurutera PGU
6.	En Amran Shah Bin Masnon	GAM-Chief Engineer
7.	En Wan Muhd Faizal Rizza Mohd Rahim	GAM-EIC
8.	En Ahmad Khalis Bin Halimi	GAM-CAMO
9.	En Ezhan Izzad B Mohd Nor	GAM-TSE
10.	En Cheang Wei Hong	GAM-LAE
11.	En Mohd Al Hafiz Bin Amin Nordin	GAM-Avionic Manager
12.	Pn Nor Amira Binti Mohammad Anuar	GAM- Commercial
13.	Cik Sabrina Binti Idrus	GAM- Commercial
14.	En Parameswaran Shaavesh Kumaran	LHM-CSM
15.	En Eliyathamby Dhananaj	LHM-PSE

### PENDAHULUAN

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli dan mesyuarat dimulakan.

### PERKARA-PERKARA

Bil	Isu	Pencadang	Tindakan
<b>1. 9M-PMB S/N 31726</b>			
1.1	<p><b><u>Pembaikan 'Exhaust Duct Nozzle Crack'</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semasa pemasangan, terdapat retakan pada ejektor belakang LH dan RH.</li> <li>- Technical Query (TQ) di isu kan kepada LH mengenai hal ini.</li> <li>- Cadangan untuk mewujudkan SB 139-444; Pembaikan dan pengukuhan ekzos.</li> <li>- Bahagian untuk pengukuhan telah dipesan dan dipasang.</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyelesaian yang diberi adalah di antara baiki atau mengganti 'ejector' yang baru.</li> <li>- keputusan yang dibuat adalah membaiki kerosakan tersebut.</li> <li>- 9M-PMB telah dibaiki dan status pesawat telah bertukar kepada 'serviceable'</li> </ul>

1.2	<p><b><u>Kewujudan Air di dalam bungkus 'Main Gear Box'</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- GAM telah menerima 'Main Gear Box' namun terdapat air di dalam bungkus tersebut.</li> <li>- Technical Query (TQ) di isu kan kepada LH mengenai hal ini.</li> <li>- Pemeriksaan telah dilakukan oleh 'Part-145' seperti yang dicadangkan oleh pihak LH.</li> <li>- Terdapat kewujudan air di dalam MGB</li> <li>- LH mengesyorkan MGB dikeluarkan dan diganti dengan MGB yang baru.</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- MGB telah dikeluarkan dan diganti dengan MGB yang lain.</li> <li>- 9M-PMB telah dibaiki dan status pesawat telah bertukar kepada 'serviceable'</li> </ul>
1.3	<p><b><u>Sistem Aircond</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan daripada juruterbang, sistem aircond di bahagian hadapan gagal berfungsi semasa dalam penerbangan.</li> <li>- Penyelesaian masalah dilakukan, sistem aircond berjalan selama 10-15 minit ketika berada di darat dan gagal sepanjang masa ketika dalam penerbangan.</li> <li>- Technical Query (TQ) di isu kan kepada LH mengenai hal ini.</li> <li>- Pemeriksaan telah dilakukan pada kabel pendawaian ECS mengikut cadangan daripada LH dan pemeriksaan didapati memuaskan tetapi kejadian masih berlaku.</li> <li>- Pek Condenser ECS telah diganti.</li> <li>- Sedang menunggu Helikopter untuk dapat digunakan untuk ujian.</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- GAM-EIC memaklumkan bahawa sewaktu 'flight test', 'aircond' telah pun sejuk.</li> <li>- Namun, selepas 50 minit penerbangan, 'aircond' pesawat menjadi sedikit panas, tetapi keadaan ini tidak berlarutan untuk jangka masa yang lama.</li> <li>- Keadaan ini mungkin disebabkan oleh 'Condenser fan'</li> <li>- Pihak LH memaklumkan bahawa akan memantau keadaan tersebut.</li> </ul>
<b>2. 9M-PMD S/N 31809</b>			
2.1	<p><b><u>Kelakuan yang tidak normal di darat</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Juruterbang melaporkan mengalami getaran tidak normal ketika berada di darat.</li> <li>- Dengan 'AP ON' dan kedua-dua enjin dalam mod FLIGHT, pesawat akan mula mengeluarkan corak getaran dengan teruk setelah tetap berada di atas tanah dan keadaan berlarutan selama lebih dari 15-30 minit.</li> <li>- Semasa dalam keadaan tersebut, para juruterbang telah mencuba untuk mematikan</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ASP Firdaus memaklumkan bahawa getaran yang terdapat pada pesawat ini adalah luar biasa dan keadaan ini tidak bersesuaian jika penumpang pesawat ini merupakan para VIP.</li> <li>- LH memaklumkan keadaan ini mungkin disebabkan oleh 'nose landing gear'.</li> </ul>

	<p>dan menghidupkan semula sistem 'AVCS' tetapi tiada perubahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Namun, sewaktu juruterbang pesawat melepaskan 'AP', pesawat tersebut kembali seperti sedia kala.</li> <li>- Mengenai berat pesawat, kami melihat corak getaran tidak normal hanya berlaku ketika bahan bakar pesawat di atas kapal melebihi 1200KG, MTOW di atas 6000KG.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak LH turut memaklumkan ini berkemungkinan disebabkan 'nose landing gear' pesawat tersebut tidak cukup kelembapan.</li> <li>- Mereka mencadangkan untuk memeriksa 'nose landing gear' dan mengisi gear tersebut dengan 'silicone oil' untuk meningkatkan tahap kelembapan gear tersebut.</li> <li>- Pihak LH akan membekalkan 'silicone oil' memandangkan pesawat masih di bawah jaminan pihak LH.</li> </ul>
2.2	<p><b><u>MFB Flickering</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyelesaian masalah telah dilakukan oleh pihak LH.</li> <li>- Pembetulan diperlukan pendawaian pintasan pada MDF, dimana tidak termasuk pendawaian arus A/C dengan melakukan pintasan dengan pendawaian baru jenama lain dari AMP ke VMU dan dari VMU kepada MAU.</li> <li>- Pembuangan papan lantai kabin untuk akses adalah diperlukan.</li> <li>- Apabila helikopter siap sedia untuk 'grounded', pihak LH bersiap sedia untuk melakukan tugas.</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- LH memaklumkan keadaan ini mungkin disebabkan oleh isu pendawaian.</li> <li>- LH mencadangkan untuk memasang kabel sambungan dari Euronav EMU ke 'external monitor'.</li> </ul>
<b>3. 9M-PME S/N 31855</b>			
3.1	<p><b><u>Helikopter bergoyang sewaktu penerbangan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Para juruterbang melaporkan bahawa helikopter ini bergoyang atau menyimpang dari lokasi awal menuju ke destinasi secara berterusan selepas 30 minit memulakan penerbangan dan keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan kepada krew penerbangan dan penumpang.</li> <li>- Keadaan ini berlaku apabila mod 'AP' dipasangkan dan mod 'Heading' dihidupkan.</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak LH mencadangkan agar mendapatkan dahulu 'FDR' untuk mengetahui punca sebenar masalah ini.</li> <li>- Untuk pemeriksaan berjadual seterusnya, pihak GAM-Engineering meminta wakil daripada pihak LH untuk terlibat sama.</li> <li>-</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keadaan bergoyang ini sentiasa berubah-ubah antara 048-050, dimana sepatutnya ia kekal pada 050.</li> <li>- Para juruterbang telah cuba untuk menukar AP1 dan AP2 sebagai saluran pertama, namun keadaan masih sama.</li> </ul>		
--	--	--	--

#### 4. 9M-PMF S/N 31913

4.1	<p><b><u>Status penghantaran helikopter</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Untuk mengemaskini bayaran helikopter.</li> <li>- Untuk menentukan bila kapal bersedia untuk 'in service'</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak LH memaklumkan bahawa pihak mereka bersedia untuk menyerahkan kapal kepada pihak PGU.</li> <li>- Pihak KDN telah membuat pembayaran sepenuhnya kepada pihak GAM dan pihak GAM dalam proses untuk membuat pembayaran kepada pihak LH.</li> </ul>
-----	---	--	--

### PEMBENTANGAN AGENDA, ISU, CADANGAN DAN MAKLUMAT BARU

#### 1. 9M-JPM S/N 31899

1.	<p><b><u>Touch-up Painting</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak GAM-Engineering memaklumkan bahawa bahagian badan kapal yang sepatutnya di 'touch-up' masih belum dicantikkan oleh pihak LH.</li> <li>- Pihak GAM-Engineering mencadangkan pihak LH untuk membekalkan barangan cat kepada pihak GAM supaya pihak GAM boleh mencantikkan pesawat dengan sendiri.</li> </ul> <p><b><u>Logo Jata Negara</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak LH memaklumkan bahawa logo Jata Negara milik kapal 9M-JPM adalah Decal.</li> <li>- Untuk mencantikkan logo tersebut, solusi yang diberikan oleh pihak LH adalah dengan menukar Decal yang lama kepada Decal yang baru.</li> <li>- Menurut pihak LH, beberapa kepingan Decal Jata Negara telah diserahkan kepada GAM-ARS untuk digunakan untuk mencantikkan logo Jata Negara.</li> </ul> <p><b><u>Wind-Screen</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak LH mencadangkan agar menukar 'wind-screen' daripada 'glass-screen' kepada 'Acrylic screen'.</li> </ul> <p><b><u>Cabin Entertainment System</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak PGU memaklumkan sistem 'ifuel' yang digunakan memakan masa yang agak lama untuk bersambung dengan sistem interkom.</li> <li>- Pihak PGU meminta LH untuk menyemak semula dengan manual tentang cara sistem tersebut berfungsi.</li> <li>- Pihak LH meminta pihak PGU/GAM untuk isu TQ.</li> <li>- Mengenai pemasangan Astro, pihak LH mencadangkan untuk menukar kepada Apple TV dan disambungkan dengan Astro Go.</li> </ul>		
----	---	--	--

	<p><b><u>Aircond Blower</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak PGU memaklumkan penghawa dingin bahagian penumpang kadang kala berasa panas.</li> <li>- Ini mungkin kerana saiz 'valve' yang agak kecil.</li> <li>- Pihak PGU mencadangkan agar 'valve' ditukarkan kepada saiz yang lebih besar.</li> </ul> <p><b><u>Cabin Door</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak PGU meminta pihak LH untuk memeriksa 'switch cabin door' di sebelah kanan memandangkan sensor tersebut menyala jika terdapat getaran.</li> </ul> <p><b><u>Headset</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak PGU memohon pihak GAM untuk membekalkan 4 unit 'Headset Pilot Coil Cord' kepada kapal 9M-JPM.</li> </ul>
<b>1. 9M-PMB S/N 31726</b>	
1.	<p><b><u>'Aircond'</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 9M-PMB dijadualkan untuk dihantar kembali ke Sabah, namun pihak PGU bercadang untuk kekalkan pesawat ini sementara waktu di Pangkalan Semenanjung selama 2 ke 3 bulan untuk memantau keadaan pesawat dan memastikan keadaan pesawat pulih 100% sebelum dihantar kembali ke Sabah.</li> <li>- ASP Firdaus memaklumkan untuk menggunakan 9M-PMB untuk OP Benteng dengan lebih kerap untuk memastikan keadaan 'aircond' pesawat tersebut.</li> </ul> <p><b><u>'Togger Switch'</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak PGU memaklumkan bahawa 'togger Switch' pesawat 9M-PMB seakan akan berkulat. Ini mungkin disebabkan keadaan kelembapan semasa.</li> <li>- Pihak GAM memaklumkan bahawa akan mengalihkan dan cuci permukaan 'togger switch'.</li> </ul>
<b>2. 9M-PMD S/N 31809</b>	
1.	<p><b><u>'Hydrolic Pump'</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pihak GAM-Engineering memaklumkan 'hydrolic pump' milik pesawat ini telah bocor dan keadaan ini telah bocor lebih daripada 3 kali.</li> <li>- Pihak GAM-Engineering memohon pihak LH untuk menyemak keadaan ini dengan pihak produksi Leonardo.</li> </ul>

Disediakan oleh:		Disemak oleh:		Disahkan oleh:	
<b>Nama</b>	<i>Nor Amira Anuar</i>	<b>Nama</b>	<i>Faizal Rizza Rahim</i>	<b>Nama</b>	<i>ASP Huzir Yahaya</i>
<b>Tarikh</b>	<b>10 Mei 2021</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Mei 2021</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Mei 2021</b>